



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**RAMADAN BULAN AL-QURAN**

**Tarikh Dibaca:**

**16 RAMADAN 1444H/  
7 APRIL 2023M**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إدارة كماله اسلام ماليسيا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

**RAMADAN BULAN AL-QURAN**  
**7 APRIL 2023 / 16 RAMADAN 1444H**

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهِدَ  
مِنْكُمْ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ  
الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَيْتُمْ وَلَعَلَّكُمْ  
تَشْكُرُونَ ١٨٥

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ  
اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita masih terleka dengan urusan dunia.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Ramadan Bulan Al-Quran**”.

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu terutamanya pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan dan keampunan ini, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Marilah kita mengambil kesempatan berada dalam bulan yang mulia ini untuk terus meningkatkan amal ibadah seperti solat *tarawih*, *qiamullail*, *bertadarus*, bersedekah, menunaikan solat secara berjemaah, menghadiri majlis-majlis ilmu dan sebagainya. Semoga dengan itu, ia akan menjadikan kita hamba-Nya yang bertakwa.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Al-Quran diturunkan oleh Allah SWT kepada utusan-Nya yang terakhir iaitu Nabi Muhammad SAW sebagai pembimbing manusia di atas jalan kebenaran. Peristiwa penurunan al-Quran menzahirkan keagungan dan kebesaran Allah SWT yang tidak mampu tergambar oleh akal manusia. Al-Quran yang diturunkan secara beransur-ansur dan berperingkat-peringkat mengambil masa kira-kira selama 23 tahun sebelum ia lengkap keseluruhan 6,236 ayat.

Al-Quran merupakan wahyu dan Kalam Allah SWT. Ia bertindak sebagai sumber utama ajaran Islam dan sarat dengan ilmu serta pengajaran yang boleh diambil oleh manusia untuk dijadikan iktibar dan tatacara untuk hidup dengan syariat di muka bumi ini. Oleh sebab itu, ia tetap terjamin pemeliharaannya daripada diubah oleh tangan-tangan manusia walaupun terdapat juga segelintir manusia yang berusaha ke arah itu. Jaminan pemeliharaan ini datang daripada Allah SWT sendiri sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ۝

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya*”.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Para Sarjana Islam merumuskan bahawa Al-Quran diturunkan melalui dua peringkat iaitu penurunan dari *Luh Mahfuz* ke *Bait al-Izzah* secara sekaligus dan penurunan dari *Bait al-Izzah* kepada Nabi Muhammad SAW secara beransur-ansur melalui perantaraan Malaikat Jibril AS. Al-Quran mula diturunkan pada 17 Ramadan dengan ayat pertama diturunkan dari Surah al-'Alaq berupa perintah membaca. Ada sesetengah pendapat lain yang mengatakan bahawa al-Quran diturunkan pada malam al-Qadr iaitu salah satu malam dari Bulan Ramadan. Pemilihan Ramadan dalam peristiwa Nuzul al-Quran ini menunjukkan kelebihan bulan yang mulia dan berkat ini. Firman Allah SWT dari Surah al-Baqarah ayat 185:

*“bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah”.*

Perkara terpenting bagi kita umat Islam ialah beriman bahawa al-Quran itu tidak memiliki sebarang keraguan padanya sama ada terhadap peristiwa yang telah berlaku, sedang berlaku atau bakal berlaku termasuk juga peristiwa-peristiwa ghaib. Al-Quran menerangkan tentang seluruh keperluan hidup manusia bermula dengan aspek akidah, syariat, akhlak, *muamalat*, dan *munakahat*. Selain itu juga, dalam al-Quran terkandung juga perihal sejarah, kemasyarakatan, politik pentadbiran, kepimpinan, ekonomi juga sains.

Sememangnya al-Quran merupakan panduan hidup kita yang tidak boleh ditinggalkan. Ia perlu diletakkan paling atas sekali dalam apa-apa jua urusan kehidupan kita. Ia bertindak sebagai penentu jalan yang benar dan menyelesaikan banyak masalah yang timbul. Kebenarannya tidak dapat dicanggah lagi oleh mana-mana pihak bahkan para penentang Islam cuba mewujudkan provokasi dengan menghina dan membakar al-Quran yang hanya menunjukkan ketiadaan hujah mereka untuk menentang kebenaran al-Quran. Kita berdoa semoga orang-orang yang memusuhi Islam ini diberi petunjuk dan hidayah serta kebenaran daripada al-Quran al-Karim.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Al-Quran perlu dibaca untuk mendalami isi dan pengajaran yang terkandung padanya. Keberadaan dalam Bulan Ramadan yang dikenali juga dengan Bulan Al-Quran mesti kita manfaatkan dengan memperbanyakkan membaca Al-Quran dan mengambil pengajaran yang sebanyak-banyaknya.

Jangan malu dan jangan takut membaca Al-Quran walaupun dalam keadaan merangkak-rangkak kerana meskipun masih bertatih dalam mempelajari bacaan Al-Quran, ia lebih baik dari mereka yang meninggalkan terus pembacaan Al-Quran dengan alasan tidak mahir membacanya. Dalam sebuah hadis daripada A'isyah R.Anha, Rasulullah SAW pernah bersabda:

المَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ

**Maksudnya:** “Seorang yang mahir dalam membaca Al-Quran bersama al-Safarah al-Kiram al-Bararah (malaikat yang mulia lagi taat) dan bagi yang membaca Al-Quran namun tersangkut-sangkut dan berasa susah buatnya maka untuknya itu dua ganjaran”. **(Hadis riwayat Imam Muslim dan Ibn Majah)**

Rasulullah SAW juga selalu mengulang-ulang bacaan Al-Quran bersama Jibril setiap kali Ramadan. Diceritakan dalam hadis Ibnu Abbas R.Anhuma:

وَكَانَ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ يَلْقَاهُ كُلَّ لَيْلَةٍ فِي رَمَضَانَ، حَتَّى يَنْسَلِخَ، يَعْرِضُ عَلَيْهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْقُرْآنَ،

**Maksudnya:** “Dan Jibril datang menemui Baginda pada setiap malam di bulan Ramadan untuk Baginda memperdengarkan bacaan Al-Quran kepada Jibril”. **(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)**

Maka, perbanyakkanlah membaca Al-Quran dan merenungi maksudnya. Sentiasalah berdamping dengan Al-Quran sebagai jaminan agar tidak terjerumus ke lembah

kesesatan. Sesungguhnya Al-Quran itu nantilah yang akan datang pada hari akhirat untuk memberi syafaat kepada pembacanya.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sebelum mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menarik perhatian sidang Jemaah sekalian untuk sama-sama mendoakan kesejahteraan dan keselamatan saudara-saudara kita yang berada di Palestin. Israel sekali lagi menunjukkan kebiadaban mereka dengan tindakan menyerbu masuk dan menyerang Jemaah yang berada di dalam Masjid al-Aqsa. Tindakan ini bukanlah baru berlaku sekali ini. Bahkan jika kita imbas saban tahun, setiap kali Ramadan, pasti akan ada berita tentang kebiadaban Rejim Zionis yang melakukan provokasi dan kekacauan untuk mengganggu tumpuan umat Islam beribadah dalam bulan yang mulia ini. Maka, marilah kita panjatkan doa dengan bersungguh-sungguh memohon pertolongan kepada Allah SWT agar terus memelihara dan melindungi umat Islam di Palestin dalam menghadapi kekejaman Rejim Zionis Israel.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan berdasarkan khutbah yang telah disampaikan;

**Pertama:** Peristiwa penurunan Al-Quran menzahirkan keagungan dan kebesaran Allah SWT yang tidak mampu tergambar oleh akal manusia.

**Kedua:** Setiap umat Islam wajib mengimani kebenaran yang terkandung dalam Al-Quran.

**Ketiga:** Al-Quran memiliki kemuliaan dan kesuciannya yang tersendiri. Kita diseru untuk memperbanyakkan membacanya lebih-lebih lagi dalam Bulan Ramadan ini kerana nanti Al-Quran juga akan datang pada hari akhirat memberi syafaat kepada setiap pembacanya.

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

٥٧ قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ ۚ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ٥٨

**Maksudnya:** “Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman. Katakanlah

(wahai Muhammad) "kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayang-Nya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya), kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpulkan dari segala benda dan perkara yang tidak kekal)" (Surah Yunus ayat 57-58)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَندَرِيْهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ

الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.



اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.  
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
 عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.